Boys Wing ini ia-lah sa-bahagian daripada kawasan Military College, tetapi Boys Wing ini tidak berkhendakkan berkhidmat dalam pasokan asing. Maka saya mengeshor-kan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya di-keluarkan Boys Wing itu daripada Pejabat Kementerian-nya dan di-masokkan ka-Pejabat Kementerian Pelajaran yang mana tempat itu ada-lah lebih menasabah. Dan terlebih dahulu daripada itu barangkali saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan tak menerima shor saya ini maka saya suka mengeshor-kan supaya di-adakan satu Jawatan-Kuasa untuk menyiasat darihal Boys Wing ini sama ada patut atau tidak di-adakan lagi atau apa guna-nya dan bagaimana dapat diperbaiki kerana hendak² yang bersangkutan bagi demikian itu.

Sa-perkara lagi, saya suka hendak menyebutkan berkenaan dengan perbelanjaan Kementerian ini ia-lah berkenaan dengan Ashkar Tempatan atau

Territorial Army. Kita telah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi ia-itu pada tahun ini perbelanjaan tentera itu berjumlah sa-banyak \$5,319,826 daripada \$1,304,335 million tahun lalu. Saya tak mengerti apa fa'edah-nya Territorial Army itu sa-kira-nya hendak dibelanjakan sa-banyak \$5,319,826 tahun depan dan \$8 million pada tahun akan datang atau pada tiap² tahun bukan kah terlëbeh baik kalau di-mansokkan Territorial Army ini dan di-tambah kapada satu pasokan lagi kapada Ashkar Melayu Di-Raja. Oleh kerana, Volunteer Forces yang sa-macam itu, pada pendapat saya yang mana dahulu saya sendiri menjadi sa-orang Ahli Volunteer daripada tahun 1911 dahulu, saya tengok tak ada fa'edah-nya. Dalam masa perang pekerjaan-nya tak ada dan sa-sudah lepas perang pun pekerjaan-nya tak ada. Jadi, apa gunanya hendak di-adakan pasokan yang sa-macam itu maka lëbeh baik kita kuatkan tentera yang sa-bënar-nya ia-itu Regular Armed Forces dengan di-tambah satu pasokan tentera Ashkar Melayu di-Raja.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Sëberang Tengah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di-sini mengucapkan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana mengadakan satu ranchangan bagi bekas Ahli² Pasokan Kesëlamatan yang telah di-sëdiakan itu.

Berkënaan dengan Tëntëra Tëmpatan atau Territorial Army, wakil Kuala Trengganu Sëlatan mengatakan bahawa lëbeh baik di-adakan tentera biasa atau pun 20 buah kapal terbang untuk Kërajaan Përikatan daripada mengadakan Tëntëra Tëmpatan, tëtëpi apa bila satu tan bawang kita kënak chukai sa-banyak \$10 maka pehak pëmbangkang bukan main berpëkek² lagi. Oleh sëbab itu, mëmandang këadaan masa buat sëmëntara ini maka Yang Berhormat Menteri Pertahanan hendak mengadakan Tëntëra Tëmpatan. Jadi, Tëntëra Tëmpatan ini di-adakan oleh Menteri Pertahanan bukan sahaja pëmuda² itu di-bëri latehan untuk mëmëgang sënapang atau pun chara² mëlawan pëngganas, tëtëpi saya mërayu supaya pëmuda² itu di-bëri latehan sa-lain daripada yang

di-katakan tadi ia-itu mëmëgang sënapang, mënembak dan sa-bagai-nya; maka hendak-lah juga di-bëri courses kapada mëreka sa-bagaimana yang di-tërangkan di-muka 87, Subhead 15 dan 16 ada përutokkan wang sa-banyak \$1.8 million bagi Item (1) Cinematograph Films and Equipment, (2) Recreation and Sports, dan Subhead 16, Item (1) Bounties; (2) Courses dan lain² lagi. Maka dengan hormat-nya di-sini saya mërayu supaya pëmuda² itu di-ajar bukan sahaja mëmëgang sënapang, screw driver, spanner, baji dan pahat tëtëpi juga supaya mëreka dapat di-ajar satu pëlajaran teknek sambil di-bëri pëlajaran drill atau kawat ia-itu pëlajaran saperti teknek, foreman, tukang kayu dan lain² lagi.

Di-samping itu saya juga suka mëngambil kësëmptan di-sini mëngucapkan tahniah dan tërima kaseh kapada Pasokan Polis kerana mëreka telah mënunjokkan këgiatan dan këbëranian dalam masa yang lalu. Dan saya bërsëtuju sa-bagaimana yang telah di-tërangkan oleh Yang Berhormat wakil dari Larut Utara tadi. Përupamaan Inggris ada mëngatakan "Spare the rod, spoil the child". Tëtëpi di-sini bukan-lah Yang Berhormat itu bërmaksud "Spoil the child", bahkan irresponsible person . . .

Mr. Speaker: Përkara ini tak payah di-sëbutkan.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Ma'af, Tuan Yang di-Pertua. Saya mërayu sa-kali lagi kapada Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya pëmuda² yang akan bërkhidmat dalam Territorial Army atau Tëntëra Tëmpatan itu di-bëri latehan dan pëlajaran yang bërguna. Tërima kaseh.

Mr. K. Karam Singh: Sir, I would refer to the terroristic threats uttered by the Honourable Member for Larut Utara and we hope that such threats do not come from the Honourable Member for Larut Utara in future. Mr. Speaker, Sir, what I can say is that the Honourable Member for Larut Utara is being an apologist for Colonialism and . . .

Mr. Speaker: That remark has already been replied by Mr. D. R. Seenivasagam and I do not think it is

necessary for you to go on on that point.

Mr. D. R. Seenivasagam: May I clarify, Sir. I never suggested he is an apologist for Colonialism, but I suggested, and I still do suggest, that that Honourable Member tried to suggest that the Chinese and Indian communities in this country are not being loyal.

Mr. Speaker: That is all right. Please proceed.

Mr. K. Karam Singh: Sir, there is a complete identification with the past Colonial policy on the part of the Alliance Government, and the impression that we get from the Honourable Minister of Defence's speech is that the British forces fought for Malayan freedom. Mr. Speaker, Sir, there could be nothing farther removed from the truth. The British at no stage fought for Malayan freedom.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Mr. Speaker, Sir, may I know whether we are dealing with what is in front of us, or something else?

Mr. Speaker: He is debating on the speech introduced by the Minister of Defence.

Tun Abdul Razak: I do not think I said that, Sir. I think the Honourable Member has misunderstood me.

Mr. K. Karam Singh: He will have a chance to reply later on.

Mr. Speaker: Yes, but you should not introduce new things.

Mr. K. Karam Singh: I am only commenting on his speech, Sir.

Mr. Speaker: Well, he did not say that.

Mr. K. Karam Singh: That is the impression we got.

Mr. Speaker: You misunderstood him. Please proceed.

Mr. K. Karam Singh: There is complete identification with Colonial forces. In Algeria those who fight today against the French Government are the fighters for national freedom, and those who fought against the British army fought for Malayan freedom.

Mr. Tan Siew Sin: The Communists?

Mr. K. Karam Singh: I do not know who they are, but they fought against the British and in fighting against the British they fought for Malayan freedom.

Dato' Onn bin Jaafar: Sir, on a point of clarification. Would the Honourable Member say who these people are, because if he does not know who these people are, how did he know that these people fought for Malayan freedom? *(Laughter)*.

Mr. Speaker: Mr. Karam Singh, would you confine to the policy of the service as laid down under Standing Order 66 (11)?

Mr. Tan Siew Sin: Mr. Speaker, Sir, may we know who those doughty freedom fighters are?

Mr. Speaker: Never mind about that. *(Laughter)*. Would you please confine to Standing Order 66 (11)?

Mr. K. Karam Singh: Yes, Sir. Today the British Army by being stationed in Malaya gives the impression that the present Malayan Government survives on the British Army. Mr. Speaker, Sir, this is a denial of democracy. Until the British Forces withdraw from Malaya there will not be democracy in Malaya.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Who says so?

Mr. K. Karam Singh: Along with the British Forces which must leave Malaya the Emergency Regulations must also be abolished. Until these two prerequisites of independence have been executed there will not be a complete Malayan independence. Mr. Speaker, Sir, it requires courage . . .

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: On a point of clarification, Sir. May I ask for a clarification from the Honourable Member? Does it mean that because American troops are stationed in Britain, Britain is not having freedom?

Mr. Speaker: I would not like to have these interruptions every now and then. Please proceed.

Mr. K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, as I said, until the Emergency Regulations are scrapped and the

British Army is withdrawn from Malaya—it is the strongest, most colonial and imperialist force in the world—these will interfere in Malayan affairs and in one way or another guide the destiny of Malaya to other than Malayan ends. This is an historic fact that the entire world knows and it is up to the Government to eradicate these pillars of Colonialism.

Mr. Speaker: If you proceed further on that point, I will rule you out. *(Laughter)*.

Mr. K. Karam Singh: And another thing, Sir, is that we got the impression from the Defence Minister's speech that those who fought under the British Army fought for Malayan freedom. This is also wrong because the British Army was never an instrument of Malayan liberation. After the war, after expelling the Japanese, the British Army started to re-establish its militaristic control over Malaya, and no one can deny that it was engaged in enslaving Malaya. So, how could anyone who. . . .

Mr. Speaker: Again and again you are going outside Standing Order 66 (11). Would you confine to the policy of the service for which the money is provided? It is very clear.

Mr. K. Karam Singh: I will end my speech by saying. . . .

Mr. D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, may I interrupt for one moment on a point of clarification? Is it in order according to our Standing Orders for Honourable Members sitting opposite to laugh and clap when the Chair gives a ruling? If they do that, we will do the same in return whenever you, Sir, say anything to those Members.

Mr. Speaker: I hope Honourable Members will not clap when I give a ruling.

Dato' Suleiman: I only laugh, Sir, when you laugh. *(Laughter)*.

Mr. Speaker: As a rule I do not laugh here at all. *(Laughter)*. Please proceed and confine your speech to the policy of the service for which money is provided. It is very clear.

Mr. K. Karam Singh: I will end my speech by saying that those who struggled against the British, who fought against the British, fought for Malayan freedom. Let not the Alliance Government hide this fact. Why are they frightened to face this fact? It is a historic lie on their part to say what they are saying, and as the great Thomas Carlyle said "all lies are destroyed" and the lie of the Alliance Government will be destroyed in time.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar sharahan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi erti-nya ta'-lah banyak perkara yang hendak di-sungutkan sangat dalam perbahathan sekarang ini. Saya béserta dengan Kerajaan Persékutuan Tanah Melayu menghormati dan menguchapkan tahniah kepada Ahli² Bêkas Pasokan Késelamatan dan menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan atas beberapa langkah yang telah di-ambil-nya berkénan dengan Bêkas Pasokan Késelamatan itu. Tuan Yang di-Pertua, maseh ada lagi di-dalam Anggaran Belanja di-dépan mata kita ini berkénan dengan per-bêlanjaan Expatriate. Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak soal Expatriate ini kita bahathkan dan sudah banyak jawapan telah di-bêrikan tetapi saya hendak mênarek pandangan di-sini satu kejadian atau satu contoh dari kejadian² yang telah berlaku di-dalam téntera. Tuan Yang di-Pertua, soal téntera ada-lah soal rahsia yang ta' boleh di-kemukakan oleh ahli² téntera itu dengan mênêrangkan nama-nya. Saya ada mendapat pengaduan daripada beberapa orang di-dalam téntera yang mênunjokkan bahawa ada lagi pegawai² Inggeris yang maseh menghina orang² téntera; saya ta' usah sebutkan bangsa-nya, tetapi têrhadap yang lain daripada Inggeris yang berkhidmat di-dalam téntera kita sendiri. Dan pernah berlaku di-dalam satu pasokan bahawa orang² yang bukan Inggeris itu telah di-têgah dengan satu jalan yang terang daripada melakukan sêmbahyang Juma'at. Tuan Yang di-Pertua, saya bêrharap kepada Menteri Pertahanan supaya menyiasat soal² saperti ini kerana di-waktu kita mênêrma Malayanisation

dan di-waktu kita menerima hujah² daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan akan betapa mustahak-nya orang² itu di-pakai lagi, bukan-lah berma'ana kita akan redza melihat orang² itu berkhidmat dalam tentera Persekutuan Tanah Melayu ini dan chuba² menghina daripada orang lain daripada orang Expatriate ini. Dan saya tidak memanjangkan perkara ini sebab ini perkara tentera, sekian-lah.

Mr. Speaker: Masa-nya saya sudah tetapkan satu jam sahaja, kalau Ahli² hendak berchakap, tetapi dengan satu sharat sahaja hendak-lah berchakap pendek, saya boleh bənarkan.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Tuan Yang di-Pertua, . . .

Mr. Speaker: Sa-bərapa pendek.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati atas ucapan Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi di-dalam ranchangan² yang sangat bagus itu untuk memberi perbantuan kepada Bėkas² Pasokan Kėsėlamatan. Saya suka mēngėmukakan bėbėrapa pertanyaan, apa-kah ranchangan² ini sudah di-jalankan atau akan di-jalankan, dan kalau sa-kira-nya bėlum di-jalankan saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang bėrkėnaan supaya di-jalankan dēngan sa-lėkas mungkin, kėrana banyak bėtul ia-itu ahli² Bėkas Pasokan Kėsėlamatan yang sangat mēndėrita hidup-nya pada masa sėkarang ini, yang tidak dapat pėkėrjaan sa-sudah dia lėpas daripada jawatan-nya. Ada bėbėrapa orang yang tėləh datang kepada saya mēngatakan mē minta mējadi kuli Town Board pun dia tidak boleh. Mėreka itu mēngatakan "ibarat kami ini adalah Bėkas² Pasokan Kėsėlamatan yang di-katakan pahlawan bangsa, mēmbela ibu pėrtiwi yang mēmbantingkan dada-nya untuk mēnėntang sėnapang² atau pėluru² dari pėhak pėngganas² yang mēngganas dalam nėgėri kita". Apakala mėreka bėrhėnti dari pėkėrjaan maka mėreka sangat mēndėrita, ta' ubah mėreka itu di-ibaratkan sabagai tėrumpah kayu, bila masa pėrlu maka di-pakai-lah mėreka dēngan sėlėchah²-nya dari apabila tidak pėrlu, jika hėndak mēnaiki Istana maka

tėrchampak-lah mėreka itu, tinggal di-bėlakang sahaja. Bagitu-lah kata², daripada Bėkas² Pasokan² Kėsėlamatan itu. Saya suka mēngėmukakan bėbėrapa chadangan² ia-itu kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, supaya Yang Berhormat itu dapat mēmbėrikan sokongan atau bantuan yang sabanyak²-nya kapada Pėrsatuan Bėkas Pasokan Kėsėlamatan, kėrana di-dalam Pėrsatuan itu-lah bėribu² Bėkas Pasokan Kėsėlamatan bėrkumpul. Dan saya juga dapat dēngar bėbėrapa rungutan², daripada Jawatan-Kuasa dalam Pėrsatuan Bėkas Pasokan Kėsėlamatan ini yang mēngatakan, di-hari Pahlawan mithal-nya, mėreka itu mēngutip dėrma dēngan tėrhegeh² sa-orang dėmi sa-orang, dari satu tėmpat ka-satu tėmpat, hanya dapat mēngutip untuk sėluroh Tanah Melayu bėbėrapa ratus ringgit sahaja. Kalau di-bandingkan dēngan Hari Poppy Day yang mēndapat sambutan atau sokongan baik bėrupa sėmangat, meterial atau pun tėnaga daripada pėhak Kėrajaan, di-mana² sahaja apabila Hari Poppy Day di-adakan. Tidak kurang barangkali bėrpuluh² ribu ringgit di-pėroleh.

Mr. Speaker: Ini sudah kėluar nam-pak-nya daripada . . .

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Ini kėtėrangan saya sadikit Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: Jaga² sadikit.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Jadi saya bėrharap juga bagi anak² istėri dari Bėkas Pasokan Kėsėlamatan yang tėləh gugur di-dalam pėmbelaan bagi mēmpėrtahankan tanah ayer kita ini, supaya di-adakan pėruntokan dan pėrbantuan. Jangan-lah bapa-nya sudah mėninggal, anak-nya hidup kucharkachir sėdangkan bapa-nya, jiwa-nya di-bėrikan-nya untuk mēmpėrtahankan kėma'amoran nėgara kita bėrsama, sėkian ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: Sa-bərapa pendek sahaja.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bėrchakap panjang, sadikit sahaja kėrana banyak lagi daripada Ahli² Yang Berhormat sama

ada dari pehak pembangkang dan juga daripada

Dato' Onn bin Jaafar: Chakap-lah (*Ketawa*).

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Saya suka memberi fikiran atau shor kapada Yang Bèrhormat, bagi pehak saya, saya suka hendak menèrangkan sadikit dalam bahagian perbelanjaan pertahanan yang telah di-terangkan dalam Anggaran Perbelanjaan ini sa-banyak \$180,355,495. Di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini bermacam² pula di-chadangkan oleh Yang Bèrhormat Mèntèri Pèrtahanan ia-itu berkaitan dengan mempertahankan Tanah Ayer kita ini, saperti askar²-nya dan perkakas² yang lain untuk kegunaan bagi negeri kita ini untuk di-pertahankan. Saya mengu-chapkan sa-tinggi² tahniah kapada Yang Bèrhormat Mèntèri Pèrtahanan dengan bijak pandai-nya membuat Anggaran Perbelanjaan ini dan saya perchaya di-mana tahun 1961 pula Yang Bèrhormat Mèntèri Pèrtahanan itu akan menaikkan lagi perbelanjaan pertahanan negeri ini supaya daripada 15 buah Kapal Terbang yang ada pada masa ini boleh mendapat sampai 1,500 buah. (*Ketawa*).

Kapal Terbang daripada satu boleh jadi sampai 10, 15 buah untuk mempertahankan Tanah Ayer kita ini (*Ketawa*). Di-sini juga Yang Bèrhormat itu telah memberikan pujian²-nya kapada Ahli² Pèrtahanan Pèrsèkutuan Tanah Melayu ini dengan berbagai² pujian tetapi saya di-sini membuat satu pandangan kapada Yang Bèrhormat Mèntèri Pèrtahanan itu. Pujian² yang kita bagi kapada askar² atau pun polis² yang sa-lama ini mempertahankan diri masing² untuk menjaga keselamatan negeri ini. Maka kedudukan mereka itu hendak-lah kita perhatikan terutama menjaga tempat kediaman askar² atau pun polis². Dengan ada-nya ke-elokan kedudukan mereka itu masing² saperti ada tempat² atau rumah² yang sempurna barangkali semangat perjuangan yang ada pada mereka itu akan bertambah lebih maju dan lebih² lagi pada masa yang akan datang.

Di-sini saya suka hendak mengèshorkan kapada Yang Bèrhormat

Mèntèri Pèrtahanan, itu pun kalau shor saya ini di-fikirkan elok. Elok-lah Yang Bèrhormat Mèntèri Pèrtahanan itu melantek satu Jawatan-Kuasa daripada Ahli² Wakil Dewan Ra'ayat ini sa-bberapa yang di-fikirkan patut untuk melawat ka-tiap² camp askar² bukan sahaja dalam pekan² bahkan juga dalam hutan². Dengan ada-nya lawatan sa-macham ini, akan menaikkan semangat pemuda² yang berjuang untuk keselamatan Tanah Ayer kita ini. Kerana saya sudah dengar banyak kali atas sungutan pemuda² di-dalam askar² yang mengatakan tidak ada daripada dahulu yang kita belum ada mempunyai wakil² ra'ayat sa-hingga sampai ada mempunyai wakil ra'ayat pada tahun 1955 sa-hingga hari ini tidak ada sa-orang wakil ra'ayat yang mahu melawat dan menengok keadaan mereka² bukan di-katakan dalam hutan sa-hinggakan dalam pekan² sekali pun tidak ada. Jadi saya berharap untuk menjaga dan menaikkan semangat pemuda² yang memperjuangkan untuk Tanah Ayer kita ini Yang Bèrhormat Mèntèri Pèrtahanan akan mengadakan satu Jawatan-Kuasa yang di-fikirkan-nya patut, 15 orang-kah, 7 orang-kah atau 12 orang untuk pergi melawat tiap² askar di-dalam Tanah Melayu bukan sahaja dalam hutan tetapi dalam pekan² juga. Sa-kian-lah sahaja dapat saya terangkan, saya sekali lagi mengu-chapkan tahniah kapada Yang Bèrhormat Mèntèri Pèrtahanan berkenaan Anggaran Perbelanjaan yang di-kemukakan. (*Ketawa*).

Dato' Onn bin Jaafar: Tuan Yang di-Pèrtua, ada-kah Ahli Yang Bèrhormat yang baharu dudok tadi tahu berapa harga sa-buah Kapal Terbang. (*Ketawa*).

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pèrtua, kalau², mudahan² banyak boleh di-beli.

Mr. Speaker: Ta'apa-lah, ta'payah di-jawab. Kalau begitu berapa orang yang tahu, berapa harga sa-buah Kapal Terbang. Saya tidak bènarkan lebih daripada satu dua orang sahaja yang boleh berchakap dalam masa'alah ini kerana masa-nya sudah lebih daripada yang sa-patut-nya. Saya fikir satu jam sahaja perbahathan di-bawah fasal ini tetapi nampak-nya ramai Ahli Yang

Bêrhormat ini mêngulangi² benda² yang sudah di-sêbutkan dahulu itu mênjadi-kan masa-nya hilang dalam Majlis ini. Jikalau-lah sa-saorang itu bêrchakap di-tumpukan kapada point-nya pêrchakapan-nya itu sahaja têngtu-lah tidak mêngambil masa yang begitu panjang.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Pêngêrusi, saya chuma hêndak bêrchakap dalam satu minit sahaja. Yang pertama sa-kali saya mêngucapkan sa-tinggi² tahniah atas kërja² susunan dan lain² dalam Kêmëntèrian ini kërana sama² kita mênengok dari sa-masa ka-samasa bëlanya makin kurang di-tanah ayer kita ini, dêngan yang dêmikian kita boleh bêrgêrak dêngan baik-nya kërana kêadaan kêamanan sudah sama² kita tengok dêngan baik-nya.

Yang kêdua, saya chuma hêndak mênêrangkan atas istilah yang têlah di-bêri oleh sahabat saya Yang Bêrhormat wakil dari Damansara yang mênnyatakan pëndapat-nya hanya orang² yang mëlawan Ashkar British sahaja yang di-kira sa-bagai pahlawan kêmêrdekaan tanah ayer, têtapi adakah Ahli Yang Bêrhormat itu tahu bahawa Pêngarang² surat khabar, Guru², Pêndidek² dan kita sêmuaya yang békêrja bagi mênchapai kêmêrdekaan nêgèri ini sama sa-taraf dêngan mêreka? Oleh kërana saya mêngikut daripada mula Majlis ini hingga kahari ini yang mana bêrulang² kali mênnyêbutkan bahawa pehak pêmbangkang mêminta kita sêmuaya supaya dihapuskan Undang² Dharurat. Saya mêrayu bukan kapada pehak Kêrajaan sahaja têtapi kapada sêluroh-nya, pêrkara ini patut-lah kita jangan mênuntut sahaja supaya duit² yang di-gunakan itu dapat di-gunakan bagi pêmbeanaan nêgara kita pada masa yang akan datang.

Mr. Speaker: Chakap sa-bêrapa pendek.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Padang Terap): Dato' Pêngêrusi, kali ini saya bangun bukan-lah hêndak mêngêemukakan pêrkara wanita, kërana pêrwakilan Dewan ini tidak-lah mênurut jênis-nya. Yang pêtama-nya ialah untok mênnyampaikan tahniah saya têrhadap pênjuang² dan tanggung jawab

kërana mêm্পêrtahankan nêgara kita yang baharu Mêrdeka ini yang têlah mênghapuskan pêngganas² komunis nêgèri ini. Juga saya mêngucapkan tahniah kapada Yang Bêrhormat Mên-tèri Pêrtahanan yang têlah mêmberi ucapan khas bagi tujuan² dan pênga-kuan²-nya yang langkah² akan di-ambil, têtapi dalam pêrkara tahanan, saya suka mêm bawa satu pêrkara awam yang mana saya hêndak tahu dan hêndak bértanya kapada Yang Bêrhormat Mên-tèri Pêrtahanan bahawa ada-kah Mên-tèri itu atau Kêmëntèrian-nya tahu dan sa-kira-nya tahu apa-kah langkah yang akan di-ambil atau di-bêri bantuan têrhadap sa-buah kampung di-kawasan saya yang bêr-nama kampung Pêdu. Sa-buah kampung yang bêrhampiran dêngan sêmpadan nêgèri Siam. Pênduduk² di-situ mêm punya sa-batang jalan yang sa-jauh 10 batu. Jalan itu têlah di-bena oleh pënduduk² di-situ dêngan chara bêrgotong royong, têtapi pënduduk² di-situ sêkarang bêrdukachita kërana Dharurat di-samping itu kawasan têrsêbut maseh dalam kawasan hitam lagi. Dukachita di-nyatakan juga bahawa lori² ashkar yang bêrat² sêlalu mênggunakan jalan² itu pada tiap² hari kërana hêndak mênghantar barang² békalan makanan, ubat bédil dan sa-bagai-nya kërana hêndak mênghapuskan pêngganas komunis. Maka dêngan kênaiakan yang bêrat² itu mênggunakan jalan tanah merah têrsêbut, saya fikir têngtu-lah akan mênjahanamkan jalan² itu, kërana mêmandangkan bêlas kasehan kapada pënduduk² di-situ yang mêm bena jalan itu.

Kêrajaan Nêgèri Kêdah têlah pun mêngambil tindakan dan mêm beri wang sadikit kapada pënduduk² di-situ kërana hêndak mêm perbaiki jalan yang hêndak di-bena guna mêm beri kêsénangan kapada mêreka itu supaya dapat kêluar masok mêm bawa barang² umpama-nya buah²an dan makanan untok di-jual di-situ. Jadi, saya mêrayu kapada Yang Bêrhormat Mên-tèri yang bêrkênaiakan supaya mêm beri sadikit bantuan dan kêrjasama juga kapada Kêrajaan Nêgèri untok mênambahkan pêrbêlajaan-nya itu bagi mênchantekkan jalan itu. Têrima kaseh.

Tuan Syed Esa bin Alwee: Tuan Yang di-Pertua, saya bērchakap sabagai pantas dan pendek sahaja. Saya hanya mēmenta kēbēnaran apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Bērhormat tadi kepada Mēntēri yang bērkēnaan ia-itu apa yang baik pada nēgēri ini, itu-lah tujuan saya.

Yang kēdua, dalam pērkara Kēmēntērian ini saya dapati ada pēlajaran yang di-bēri kapada bahasa Inggēris, Mēlayu, Ugama, tētapi saya dapati di-sini bilangan guru² Ugama tērlampau sadikit dalam Pasokan Tēntēra sama ada Tēntēra Darat, Tēntēra Laut dan Tēntēra Udara maka bagitu juga gaji guru² Ugama sangat bērlainan daripada satu² pehak. Mithal-nya, Polis mēndapat sa-banyak \$73.00 tētapi yang lain mēndapat sa-banyak \$126.00. Dari itu saya bērharap kapada Kēmēntērian yang bērkēnaan supaya dapat mēnyamakan gaji² itu sērtā mēnambahkan lagi guru² Ugama yang di-fikirkan patut sa-bagai tēntēra Islam dari sēmuā pehak. Tērima kaseh.

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hēndak mēnjawab pandangan² yang dalam bahasa Inggēris dahulu.

Mr. Speaker, Sir, I wish to reply to the comments made by some of the Honourable Members. I think the Honourable Member for Bungsar raised a number of points regarding the Army. He has asked about the strength of our Army, Navy and Air Force. I am afraid that the strength of our Armed Forces must be a matter of secrecy. It is not in the public interest that I should disclose the total strength of our Forces.

The Honourable Member also spoke on the position of the rank and file of the Police. He asked that the salaries of the rank and file be increased. I would like to assure the Honourable Member that the salaries of the rank and file were increased at the end of 1957—and they are now comparable with the salaries of those other Government servants of a similar status. Also not very long ago—I think about a year ago—the Government decided to grant rent allowances for the Police rank and file, and they

now get rent allowances comparable with other Government servants in similar grades.

As regards quarters, only 10 per cent of the rank and file are without quarters, and if the Honourable Member would look at the Development Estimates, now tabled before the House, he can see the provisions we have made there for the construction of quarters for the Police rank and file. I can assure the Honourable Member that every effort is being made to provide the members of our Police force with all the amenities necessary.

The Honourable Member for Bungsar also raised the question of the Emergency Food Denial Department, saying that it was not necessary. The strength of this Department has been considerably reduced since the beginning of the Emergency. It is left with almost a skeleton staff in order to deal with whatever problem of food denial that is remaining in the few black areas in the country. I can assure him that every effort will be made to reduce expenditure provided it is not considered to be necessary. The whole thing will depend on the conditions of the Emergency. If the condition of the Emergency improves considerably next year, obviously we shall not need the whole amount which we have provided for in the Estimates.

The Honourable Member also raised the question of the appointment of the head of the Emergency Food Denial Department. Actually, there is not an expatriate officer doing the job of the head of that Department. There is an officer doing three jobs—he is the Principal Secretary of my Ministry, the Staff Officer of Emergency Operations, Secretary of the Emergency Operations Council, and he is also doing the work of Head of the Emergency Food Denial Department.

Now, as regards War Executive Committees—the Honourable Member has asked that the number of Committees should be reduced: as some Honourable Members will know, some years back we had Committees all over the States, but now they are reduced to quite a few Committees. We have provisions for only a few

War Executive Committees in a few States, particularly in Kedah and Perak, where we still have the Emergency. Therefore, the Emergency expenditure is considerably reduced.

In reply to the Honourable Member for Ipoh, he has raised the question of visits by parents as well as by counsels to persons arrested under E.R. 24. The Government has made it quite clear on a number of occasions, in answer to questions put up by the Honourable Member himself, that these visits to persons arrested under E.R. 24 by parents and also by advocates are allowed. In accordance with the rules a person arrested under E.R. 24 is permitted to be visited by relatives or counsels.

Mr. D. R. Seenivasagam: Sir, on a point of clarification, I did not confine observations to Emergency Regulation 24. I confined my observations to the general conduct under all criminal laws.

Tun Abdul Razak: As I have said, visits are allowed by parents, relatives or counsels under the Emergency Regulations or under our criminal laws. Visits are permitted at the earliest possible opportunity after arrest: but the Police must exercise discretion over this having regard to the paramount consideration of public security. That is the position, Sir, and it is quite clear that these visits are allowed under the law.

Mr. D. R. Seenivasagam: On a point of clarification, Sir, what I said was that visits were not allowed within a reasonable time—that is what I have asked the Minister to look into.

Tun Abdul Razak: If the Honourable Member can let me know of specific instances where visits are not allowed within a reasonable time, I will look into them. I hope the Honourable Member will let me know and I could have the matter examined.

Mr. D. R. Seenivasagam: I sent a telegram to the Minister of the Interior about the matter.

Dato' Suleiman: Sir, in reply to the Honourable Member—if that is sent to me, I cannot do anything. It is not within my portfolio.

Mr. D. R. Seenivasagam: At that time, it was under your Ministry.

Dato' Suleiman: No!

Tun Abdul Razak: Sir, I now wish to reply to the remarks made by the Honourable Member for Damansara. I do not think that I ought to reply at length to him, because the remarks he has made, I must say, are quite out of tune with the views expressed by the vast majority of the people in this country. But I do say quite strongly that it is the height of ingratitude on our part if we do not show our respects and our gratitude to those who have laid down their lives in the defence of this country. (*Applause*). As I have said in my speech just now, hundreds of our young men, and some women too, have laid down their lives during the last several years of the Emergency, so that we here can live in peace—and I think it is only humane and fair that we should all give our gratitude to these people who have laid down their lives. I do not wish to say it, but as the Honourable Member regarded those people who fought against the British Government, and now against the elected Government of the people of this country, as the real champions of freedom or real fighters of independence, we all know where the loyalty of the Honourable Member lies. (HONOURABLE MEMBERS: Hear, hear.)

Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menjawab pandangan² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat, saya mengucapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada beberapa Ahli² Yang Berhormat yang mendatangkan pandangan yang sempurna kepada perjalanan Kementerian Pertahanan ini dan juga telah memberi ucapan terima kaseh kepada ahli² pasokan tentera dan juga bekas pasokan keselamatan dan semua sa-kali ahli² pasokan keselamatan yang telah berkhidmat kerana bangsa dan negara kita semua. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Tengah.

Dato' Onn bin Jaafar: Selatan.

Tun Abdul Razak: I am sorry (*Ketawa*). Saya suka menjawab beberapa pertanyaan yang di-datangkan-nya berkenaan dengan Disturbance Allowance. Di-dalam Anggaran Belanjawan

ini ada di-sebutkan beberapa macham allowance² yang di-bayar kapada tentera, sa-tengah-nya di-bayar kapada tentera British sahaja dan sa-tengah-nya tentera kita; sa-benar-nya Disturbance Allowance di-bayar hanya kapada tentera British. Saya telah terangkan pada hari Ithnin yang lalu bagi pehak kita tidak dapat menyamakan bayaran allowance tentera kita dengan tentera British. Jadi menurut perjanjian dengan pehak Kerajaan British tentera dan pegawai² yang banyak kita gunakan itu di-bayar gaji²nya menurut gaji yang di-bayar pada semua tentera British yang berkhidmat di-luar negeri di-seluruh dunia, jadi bukan suka, kita terpaksa membayar menurut perjanjian yang di-buat itu.

Dato' Onn bin Jaafar: Saya mengerti pehak Kerajaan ada berbagai allowance yang bukan pegawai tempatan, saya minta berkenaan Disturbance Allowance pegawai² tempatan itu ta' boleh-kah di-samakan?

Tun Abdul Razak: Jadi saya suka-lah hendak timbangkan perkara itu tetapi kalau hendak di-samakan tentu-lah susah, jadi Disturbance Allowance ini saya chuba-lah timbangkan, tetapi saya fikir perkara ini jika mula hendak di-ubah tentu akan menjadi berpanjangan dan banyak lagi perkara² yang di-kehendaki oleh tentera² kita yang tidak dapat di-sempurnakan kerana akan menambah belanja yang sangat banyak, umpama-nya, tentera kita ada menerima Cost of living allowance. Jadi itu-lah berkenaan dengan allowance saya fikir kena-lah di-semak dengan sempurna supaya perkara ini dapat dijalankan dengan 'adil. Sekarang berkenaan dengan pekerjaan 2 atau 5 orang pegawai pelajar di-Federation Military College, Yang Berhormat itu kata tidak ada kerja, saya baharu sahaja balek dari Military College sa-belum Meshuarat Belanjawan ini memereksa di-Military College ini saya ketahui mereka itu ada mempunyai kerja mengajar di-college itu.

Dato' Onn bin Jaafar: Apa yang saya kata tidak ada pekerjaan yang tidak boleh di-buat oleh pegawai tempatan, bukan saya kata tidak ada kerja langsung—tidak (*Ketawa*).

Tun Abdul Razak: Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pegawai tempatan ya'ani kita akan gantikan dengan pegawai² tempatan itu tetapi pegawai² tempatan ini sa-bagaimana rakan saya Menteri Pelajaran ketahui pegawai² ini pelajaran-nya sangat kurang. Pada masa ini tidak cukup pegawai² yang berpelajaran atau Education Officer dan kalau ada pegawai² kita yang mempunyai pelajaran yang sempurna tetap kita akan gantikan dengan pegawai kita itu.

Sekarang berkenaan dengan Boys Wing, saya ta' bersetuju yang Boys Wing ini hendak di-serahkan kapada Menteri Pelajaran kerana Boys Wing ini ada-lah di-beri latihan yang saya fikir menjadi fa'edah kerana pada tiap² tahun lebih daripada 50% daripada murid² yang keluar di-situ di-masokkan Boys Wing ini menjadi pegawai² tentera kita. Jadi saya faham seperti kata Ahli Yang Berhormat ia-itu Boys Wing itu asal dan tujuan Boys Wing ini hendak di-beri peluang yang utama kapada anak² tentera, anak² pasukan keselamatan dan ahli² pegawai² tentera. Di-atas soal itu saya barangkali suka hendak menimbangkan tetapi sa-bagai membicarakan balek tentera—Boys Wing ini kapada Kementerian Pelajaran itu saya tidak bersetuju.

Berkenaan dengan pegawai² tempatan, saya suka hendak terangkan kapada Ahli Yang Berhormat yang telah mengatakan tentera tempatan tidak ada fa'edah-nya kalau di-pandang. Saya suka terangkan bahawa tujuan kita mengadakan tentera tempatan ini ia-lah supaya dapat di-beri latihan berkenaan dengan memegang senjata dan sa-bagainya kapada sa-bahagian besar pemuda² kita. Kalau kita hendak adakan tentera—kalau di-tambah bilangan-nya tentera² tetap kita ini berma'ana kita terpaksa membelanja lebih sedikit wang. Sebab satu orang tentera itu belanja-nya \$4,000 sa-tahun. Jadi tentera tempatan ini kalau kita adakan sa-banyak 10,000 orang belanja-nya lebih kurang \$8 juta sahaja. Kalau hendak mengadakan tentera sa-ramai 10,000 orang belanja sa-kurang-nya \$40 juta. Jadi sebab Kerajaan telah memikirkan tidak berupaya hendak mengadakan perbelanjaan yang begitu banyak dan

Kerajaan berkehendakan berapa ramai pemuda² kita dapat di-beri latehan dalam chara memegang senjata, oleh itu-lah Kerajaan mengadakan tentera tempatan itu dan sa-bagai-nya.

Dato' Onn bin Jaafar: Mr. Speaker, Sir, yang saya berkata itu patut ditambah kepada tentera² daripada Arm Forces ia-itu lebih baik kita ada 10,000 orang daripada 10,000 orang yang sa-tengah masak atau sa-suku masak.

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak bersetuju tetapi dengan latehan yang di-beri ini barangkali Ahli Yang Berhormat belum dapat berpeliuang melihat tentera tempatan yang ada sekarang. Saya fikir pengalaman tahun 1911 itu berlainan daripada tahun ini—1959 (*Ketawa*).

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok, saya ucapkan terima kasih di-atas pandangan yang di-berikan itu. Tetapi pandangan yang di-berikan itu mengadongi satu tuduhan yang sangat berat. Jika ada sa-benar-nya perkara yang sa-macam ini berlaku ta' dapat tiada saya mesti ambil tindakan yang keras. Tetapi jika tidak di-beri keterangan di-mana tempatan-nya berlaku suroh kita hendak menyiasat perkara ini. Saya tahu ada juga satu masa dapat aduan dengan hal yang saperti ini tetapi bila di-siasat tidak ada, di-mana² perkara itu tidak ada berlaku sa-benar-nya. Kalau ada berlaku ini satu tuduhan yang sangat berat menahan orang pergi sembahyang juma'at. Kalau-lah sa-benar-nya ada berlaku tidak dapat tiada Kementerian saya akan mengambal tindakan yang sangat keras.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Dungun bertanya sama ada ranchangan ini telah dijalankan atau pun belum di-jalankan atau hendak di-jalankan. Saya katakan ranchangan ini telah di-mulai di-jalankan tetapi barangkali juga pada masa yang telah lalu Ahli Bekas Pasokan Keselamatan itu tidak dapat pekerjaan barangkali tidak ada pekerjaan yang kosong di-sa-tengah² Pejabat. Jadi peruntukan yang kita berikan itu ia-lah untukan bagi jawatan² yang kosong, kalau ada jawatan yang

kosong sa-bagaimana saya katakan tadi 100% akan di-untukkan kepada Bekas² Pasokan Keselamatan, jawatan² lain 10%. Berkenaan dengan Kesatuan Pasokan Keselamatan, saya suka memberi tahu bahawa Kerajaan akan memberi sokongan kepada mereka itu dengan syarat mereka mengutip wang itu di-gunakan dengan sempurna. Pada masa ini saya kuatir sama ada kutipan wang itu di-gunakan dengan sempurna, jadi sa-hingga ini saya belum dapat keterangan yang jelas bahawa wang yang di-kutip daripada orang ramai itu ada di-belanjakan dengan sempurna dan dukachita bagi pehak Kerajaan tidak dapat memberi sokongan yang lebih daripada yang ada sekarang.

Berkenaan dengan hal Poppy Day Fund, saya tahu kutipan wang ada di-jalankan dengan ada di-beri peratoran yang sempurna. 95% daripada wang ini di-gunakan bagi fa'edah orang² di-Tanah Melayu dan hanya 5% di-beri kepada pehak British. 95% bagi peruntukan kutipan wang itu ada-lah di-jalankan dengan sempurna.

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli dari Krian Laut saya sangat sukachita mendengar-nya.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit sahaja. Saya belum dapat jawapan. Saya minta kepada Menteri Yang Berhormat tadi peruntukan bagi anak² Bekas Pasokan Keselamatan yang telah gugor di-dalam perjuangan. Bagaimana jawapan daripada Yang Berhormat dalam perkara itu.

Mr. Speaker: Yang telah apa?

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Yang telah gugor, yang telah mati di-dalam perjuangan.

Tun Abdul Razak: Untukan daripada mana itu, Tuan Yang di-Pertua?

Mr. Speaker: Itu ta' berapa terang, saya sendiri ta' faham.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Peruntukan ini di-beri mithal-nya . . .

Mr. Speaker: Peruntukan dari mana?

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Di-berikan perbantuan² kepada anak² daripada Bekas² Pasokan Keselamatan yang telah gugor.

Mr. Speaker: Hëndak nyatakan ada përuntokan atau tidak, bagitu!

Tun Abdul Razak: Daripada wang Poppy Day Fund, 95% wang itu di-bërikan kepada Bëkas Pasokan Kë-sëlamatan tëtëpi saya ta' tahu bagai-mana chara-nya wang itu di-bëlanjakan tëtëpi wang itu di-gunakan kërana fa'edah sama ada anak atau istëri dan sa-bagai-nya.

Bagi mënjawab Ahli Yang Bërhor-mat dari Krian Laut, saya sangat suka-chita mëndëngar chadangan-nya kërana hëndak mëmbëli Kapal Tërbang 500 buah itu maka saya përchaya Yang Bërhor-mat Mëntëri Këwangan apabila mëndëngar-nya bukan sahaja dia lëlap, tëtëpi pingsan tërur (*Këtawa*).

Bërkënaan dëngan chadangan Ahli Yang Bërhor-mat supaya wakil² ra'ayat mëlawat ka-camp ashkar itu maka saya tërima dëngan sukachita-nya tëtëpi kalau Ahli Yang Bërhor-mat bër-pëluang di-masa mëlawat ka-camp tërsebut bagi mëmbëri galakkan yang sëm-purna, tëtëpi saya suka-lah tërang-kan di-sini ia-itu jangan-lah di-bëri ucapan apa² sëbab kita hëndak mën-jaga tëntëra kita itu. Kalau dëngan jalan politic umpama-nya mëmbawa-kan ta' sësui dëngan dasar Kërajaan, tëtëpi kalau hëndak mëlawat, hëndak tengok sahaja maka itu saya suka-lah di-jalankan.

Bërkënaan dëngan pëndapat Ahli Yang Bërhor-mat dari Jitra-Padang Tërapi yang mana saya tak dapat këtëranan yang jëlas bër-kënaan dëngan kampong-nya itu sama ada këadaan kampong pada masa ini di-dalam lengkongan Dharurat atau pun tidak. Dan sama ada përbëlanjaan bantuan itu datang-nya dari Dharurat, tëtëpi saya akan mëngambil tindakan dalam përkara ini di-samping mënyia-sat jikalau bërubah këdudukan kam-pong-nya itu. Bërhubong dëngan Dharurat tëntu-lah Këmëntërian saya akan mëmbëri përtolongan, tëtëpi kalau tidak, përtolongan itu akan datang dari Këmëntërian yang lain.

Bagi mënjawab Ahli Yang Bërhor-mat dari Batu Pahat Dalam yang mana dalam pandangan-nya bër-kënaan dëngan gaji guru² Ugama yang ada bërbeza² pada masa ini. Sa-bënar-nya

gaji guru² Ugama itu sudah di-tëntukan mënurut tingkatan gaji guru² Ugama dalam nëgëri². Jadi, dalam hal Ugama ini Kërajaan² Nëgëri tidak ada tingkatan Ugama yang di-tëtëapkan, kita hanya mëngikut tingkatan gaji² Pëjabat Ugama Nëgëri. Di-samping itu saya tak tahu-lah barangkali di-suatu masa nanti patut kita tëntukan kërana hëndak mënambahkan guru² Ugama itu. Ini akan saya timbangan nanti. Saya fikir, Tuan Yang di-Përtua, itu-lah pandangan² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Bërhor-mat tadi dan sa-kali lagi di-uchapkan tërima kaseh bagi përbëlanjaan di-bawah Këmëntërian saya (*Tëpok*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$180,355.495 for Heads 22 to 27 inclusive ordered to stand part of the Schedule.

Head 28—

Enche' Mohamed Khir Johari: Tuan, antara tahun 1955 waktu party Përikatan mula² mëmëgang tampok Kër-ajaan di-dalam nëgëri ini, dan tahun hadapan 1960, tahun yang bër-sangkutan yang saya sëdang mëmbëntangkan anggaran bëlanjawan pëlajaran kepada majlis ini, pëndaftaran di-dalam sëkolah² rëndah yang mëndapat ban-tuan tëläh mëningkat daripada 719,282 kapada 1,176,322, ia-itu pënambahan pëndaftaran sëkolah rëndah sa-banyak 63.5%.

Pëndaftaran di-dalam tempoh yang sama di-sëkolah² mënëngah yang mëndapat bantuan tëläh mëningkat daripada 59,818 kapada 126,516, pënambahan yang tidak kurang daripada 111.5%.

Tuan, angka² yang luar biasa ini dëngan sëndiri-nya mëmbuktikan bahawa tënaga dan kējayaan yang di-chapaikan oleh Kërajaan ini di-dalam salah satu daripada soal² mutlak di-dalam nëgëri ini.

Pënambahan pëndaftaran ini sunggoh pun mënjadi satu përkara yang harus di-banggakan oleh bangsa dan juga bagi party, bukan-lah satu riwayat yang lëngkap. Sa-panjang bëbërapa tahun yang lampau pëlajaran tëläh bër-këmbang dan maju di-bawah dasar yang di-luluskan di-dalam Majlis Mëshuarat Undang-an pada 16h.b. May, 1956 yang tëläh tër-kandung di-dalam Pënyata Jawatan Kuasa yang di-pimpin oleh

Yang Bèrhormat sahabat dan tèman, ia-itu Timbalan Perdana Mèntèri. Jawatan-Kuasa itu mènayakan dèngan tèrang ia-itu ia mèranchangkan bagi sa-puluh tahun yang akan datang dan di-antara chadangan-nya supaya soal kèwangan di-semak sa-mula bèrdasarkan pèngalaman pèrtengahan tempoh ini.

Kita tèlah sampai kapada pèrèngan kèmajuan dalam pèlajaran di-mana ulangkaji ini harus di-lakukan dan Kèrajaan juga bèrpèndapat ia-itu suatu Jawatan-Kuasa Ulangkaji harus dilantek sa-bèlum Majlis ini bèrsidang pada kali yang akan datang. Tuan, dèngan yang dèmikian, elok-lah bagi saya mènarek pèrhatian dèngan ringkas Kèmajuan yang tèlah di-chapai dèngan mènjalankan dasar yang tèlah diluluskan dalam tahun 1956 itu.

Dalam dasar ini ada mængandongi 3 pèrkara yang mustahak, Yang pèrtama mènurut pènchipta² Pènyata itu ia-lah kèpèrluan yang utama ia-lah mènayakan Sukatan Pèlajaran Malayan bagi sèmuah Sèkolah. Tugas ini tèlah pun di-laksanakan. Sukatan Pèlajaran yang sama—mèlainkan bèbèrapa mata pèlajaran bèrsangkut dèngan Bahasa sèmuanya tèlah siap dan di-pèrsètujui dan sakarang sèdang di-bèrikan kapada Sèkolah² yang mènèrima bantuan. Sukatan pèlajaran ini mènsharatkan supaya sèmuah murid² mèsti mèmèlajari Bahasa Kèbangsaan.

Pèrkara yang kèdua ia-lah bagi mènnyèdiakan latehan Guru dèngan bèsaran² supaya program pèlajaran yang di-rekomenkan dalam tahun 1956 dapat di-laksanakan di-sèkolah², tuan, tugas ini pun sudah di-jalankan. Dari tahun hadapan, 1960 guru² yang tèrlateh akan munchol pada tiap² tahun dèngan jumlah yang bèsar dari Pusat² Latehan dan Maktab² yang di-tubuhkan di-Malaya sèmasa 3 tahun yang lampau. Dalam tahun 1960 sa-banyak 1,400 orang guru akan di-pèrolehi dan jumlah ini akan mèningkat sampai 2,000 bagi tiap² tahun hingga pada tahun² yang akan datang. Sa-lain dari itu sa-buah bangunan Maktab Latehan Guru yang baharu akan di-bena pada tahun hadapan di-Tanah Mèlayu ini dan program lanjutan bagi kursus ulangkaji untuk guru² yang dapat

latehan yang akan mængandongi bèr-bagai² mata pèlajaran di-sèkolah² Mènengah dan Rèndah dan juga akan di-sèdiakan kursus untuk pèntadbiran dan pènnyèlian sèkolah.

Pèrkara yang kètiga yang pèranchang² 1956 itu janji untuk tahun 1960, ia-lah mènnyèdiakan tèmpat bagi Sèkolah² Rèndah mèlalui Bahasa Pèngantar yang di-pileh sèndiri oleh ibu bapa murid² bagi tiap² kanak² yang chukop umur untuk masok sèkolah rèndah. Tuan, sa-bagai di-ma'alomkan oleh Majlis ini, chita² tèrsèbut tèlah pun di-laksanakan pada tahun lèpas, ia-itu dua tahun tèrdahulu daripada waktu yang di-tètapkan.

Tuan, kèmajuan tèlah di-dapati di-dalam lain² bidang, sa-lain daripada pèrkara² yang saya sèbutkan tadi bèrhubong dèngan Pènyata Tahun 1956. Lèmbaga Pèlajaran Tèmpatan tèlah di-tubuhkan di-sèluruh nègèri ini. Juma'ah Pèngèlola tèlah ujud hampir di-sèmuah sèkolah. Juma'ah Nazir juga tèlah di-adakan dan hingga hari ini tèlah mèlawat bagi pehak Mèntèri Pèlajaran sa-banyak ta' kurang daripada 655 buah sèkolah. Pèrundingan yang panjang tèlah di-adakan dalam Majlis Bèrsèkutu Kèbangsaan bagi Guru² untuk mènnyètujui satu *tingkatan gaji* bèrsèkutu bagi sèluruh guru² dan tujuan ini harus tèrchapai. Pèrkèmbangan Pèlajaran teknik di-sèmuah pèrèngkat tèlah bèrjalan, sunggoh pun banyak lagi pèrkara² yang harus di-laksanakan dalam lapangan ini. Pèlajaran Lanjutan tèlah mènchapai kèmajuan yang gèmilang mèlayani murid² yang lèbeh umur dan lain² orang yang tidak dapat mènèruskan pèlajaran mèreka di-sèkolah² biasa. Pada tahun hadapan sa-banyak 700 darjah di-150 pusat akan mèmèberi pèlajaran hingga mènchapai darjah Sijil Pèlajaran Rèndah (L.C.E.) Sijil Pèlajaran Pèrsèkutuan (F.M.C.E.) dan Sijil Cambridge Tinggi (H.S.C.) di-sèluruh nègèri ini. Darjah² ini sudah barang tèntu tèrmasuk darjah Bahasa Kèbangsaan dan sa-lain dari itu ada-lah di-ranchangkan untuk mèmèbuka sa-banyak 300 darjah baru bagi mængajar Bahasa Kèbangsaan dèngan tidak di-kirakan bayaran dan bèrjumlah sa-banyak 1,000 darjah sèmuanya. (Tèpok).

